# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 22 BILANGAN 52 | RABU 28HB. DISEMBER, 1977. | رابو 17 محرم 1397 | PERCHUMA


## JANGAN CHAMPORI HAL EHWAL NEGERI BRUNEI

# Brunei negeri berdaulat dan berkerajaan sendiri — Titah DYMM



YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin menyembahkan warkah titah uchapan ka-hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang kemudian-nya Baginda lafadzkan titah di-Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis lalu.

**BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menegaskan Brunei tidak ada mempunyai niat yang jahat terhadap mana2 jua negeri dan Brunei tidak pernah menchampori hal ehwal negeri orang lain.**

"Oleh yang demikian tidak ada sa-suatu sebab bagi negeri2 lain untok menchampori hal ehwal Negeri Brunei yang mana Brunei ada-lah sa-buah negeri yang berdaulat dan berkerajaan sendiri", tambah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan demikian sa-waktu melafadzkan titah di-Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan) bagi Mashuarat Pertama dari Musim Permashuaratan Ke-15 pada hari Khamis minggu lalu.

Baginda mengingatkan kapada semua yang berkenaan, bahawa tiada sa-suatu negeri atau badan mempunyai hak untok menchampori dalam hal negeri ini, mengenai dengan perkara perhubongan persahabatan di-antara Brunei dengan Great Britain yang mana perkara tersebut samata2 soal di-antara Negeri Brunei dengan Kerajaan DYMM Baginda Queen.

"Negeri Brunei mempunyai perhubongan perjanjian yang lama serta erat lagi mesra dengan Britain, dan Insha Allah Beta dan Kerajaan Beta akan berusaha dengan sedaya-upaya untok memperbaiki serta memperkukohkan lagi perhubongan itu demi untok kepentingan Negeri Brunei dan segala isi di-dalamnya", titah Duli Yang Maha Mulia.

Mengenai dengan negeri2 jiran, samada yang jauh mau pun yang dekat, Baginda Bertitah: "Sikap dan dasar Beta dan Kerajaan Beta ada-lah sa-bagaimana yang telah Beta jelaskan yaani yang baik dan jujor di-balas baik dengan jujor, akan tetapi yang jahat dan tidak tujor hendak-lah kita menjauhkan diri dari mereka itu".

Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa Brunei sabuah negeri yang menganut Ugama Islam sa-bagai chara hidup-nya yang lengkap akan sentiasa berusaha ka-arah berbaik-baik, berkejujoran ka-jalan yang diredhai Allah dengan semua yang berkenaan yang sudi serta ikhlas dan jujor bagi menghulurkan chita2 morni kerana Allah dengan berasaskan unsor2 saling hormat-menghormati.

Mengenai keamanan dan ketenteraman, Duli Yang Maha Mulia menekankan betapa penting supaya kita terus menerus dengan tidak kendor2-nya menambahkan lagi usaha2 kita dalam aspek2 pertahanan dan keselamatan, samada yang dikendalikan oleh pehak2 pasokan Pulis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei, mahu pun Jabatan Keselamatan dan Perisek.

"Hendak-nya-lah segala persiapan2 di-perketatkan supaya raayat Beta yang di-kasehi sekalian serta pendudok Negeri Brunei yang chintakan keamanan akan dapat menjalankan usaha2 yang berkebajikan dalam kehidupan mereka sa-tiap hari dalam keadaan dan suasana yang aman tenteram, tanpa sa-barang gangguan atau kekachauan atau kuchar-kachir dari mana2 jua pehak.

"Insha Allah, Kerajaan Beta dalam bidang keselamatan akan terus menjalankan peranan yang aktif lagi berkesan. Dari itu, Beta berseru supaya seluroh raayat Beta dan pendudok negeri ini akan terus memberikan kerjasama

Lihat muka 12

## Ahli2 M.M.N. yang di-susun semula

BANDAR SERI BEGAWAN.—Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang dilantek pada tahun 1970 telah di-bubarkan pada 15hb Disember, 1977 yang lalu. Pembubaran itu di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menurut Bab 55 dari Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959.

Dengan pembubaran Majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan membentok Majlis Mashuarat Negeri dan melantek semula sa-bilangan besar ahli2 yang ada dalam majlis yang lama.

Majlis Mashuarat Negeri yang bersidang pada 22hb Disember yang lalu itu ia-lah mashuarat pertama sa-telah Majlis Mashuarat ini di-tubohkan semula di-bawah kuatkuasa Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959.

**Ahli2 Rasmi Kerana Jawatan ia-lah :**

**Menteri Besar** (Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail); **Setia Usaha Kerajaan** (Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Pemangku Setia Usaha Kerajaan); **Peguam Negara** (YB Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abas, Pemangku Peguam Negara); **Pegawai Kewangan Negara** (YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee) dan **Penasehat Ugama** (YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pemangku Penasehat Ugama).

**Ahli2 Rasmi ia-lah :**

YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Penasehat Dewan Bahasa dan Pustaka; YB Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish, Pengarah Kerja Raya; YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB; YB Dr Haji Johar bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan YB Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Pegawai Pentadbir Kanan.

**Ahli2 yang di-lantek** ia-lah YB Pehin Datu Singa Menteri Awang Ariff bin Mujun; YB Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Taha bin Pehin Ratna Diraja Awang Hussein; YB Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking; YB Pehin Datu Laila Raja Awang Haji Abu Bakar bin Baha; YB Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail; YB Pengiran Haji Sepiuddin bin Pg Haji Sulaiman; YB Awang Chong Seng Toh; YB Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit; YB Dato Paduka Awang Othman bin Bidin dan YB Awang Abdul Latif bin Abdul Hamid.

Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan melantek salain daripada ahli kerana jawatan, Ahli2 Yang Berhormat yang berikut menjadi Ahli Majlis Mashuarat Menteri2. Mereka ia-lah YB Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Taha; YB Orang Kaya Pekerma Dewa Awg Lukan bin Uking; YB Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin dan YB Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit.

Lantekan mereka ini bermula pada 19hb Disember, 1977 manakala ahli2 Yang Berhormat yang lain bermula pada 22hb Disember, 1977.

## DYMM BERANGKAT MERASMIKAN M.M.N.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Dewan Majlis pada hari Khamis minggu lalu untok melafadzkan titah dan seterus-nya merasmikan Majlis Mashuarat Pertama (Belanjawan) dari Permashuaratan Ke-15 Majlis Mashuarat Negeri.

Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-Istiadat itu kira2 jam 9.34 pagi dan membalas Tabek Hormat Diraja. Baginda kemudiannya memereksa perbarisan kehormatan yang di-ambil bahagian oleh dua detachment pasokan Pulis Diraja Brunei. Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei juga turut hadhir di-Istiadat tersebut.

Sa-telah berehat sebentar di-Bilek Rehat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah di-junjong oleh Yang Amat Mulia Pengiran Speaker untok berangkat ka-Dewan Persidangan untok melafadzkan titah dan seterus-nya merasmikan persidangan pada hari itu.

Antara pembesar2 negara yang hadhir di-Istiadat tersebut termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J. A. Davidson; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Menteri Besar; dan YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

28HB DISEMBER, 1977

# BRUNEI NEGARA BERDAULAT

TELAH berkali2 di-tegaskan bahawa Negeri Brunei ada-lah sa-buah negara yang berdaulat dan berkerajaan sendiri. Hal ehwal luar yang maseh dikatakan di-kuasai oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen itu ada-lah menurut perjanjian persahabatan saperti sa-bilangan negara2 lain di-dunia ini yang mempunyai pertalian erat dalam perjanjian pertahanan dan persahabatan dengan negara2 yang lebeh besar dan kuat daripada-nya. Apatah lagi persahabatan di-antara Kerajaan DYMM dengan Kerajaan Baginda Queen yang sudah terjalin erat dan mesra lebeh tiga suku abad itu ada-lah suatu perkara yang tidak mudah di-lupakan, dan kita bangsa Brunei bukan-lah saperti kachang lupakan kulit, mudah melupakan jasa dan budi baik sa-seorang itu. Budi baik tetap di-kenang baik dan orang yang hendak berbuat jahat kapada kita, harus-lah kita mengelakkan-nya supaya kita tidak akan kejangkitan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika merasmikan Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan) dari Musim Permashuaratan Ke-15 pada hari Khamis minggu lalu, antara lain Baginda bertitah : "Sikap dan dasar Beta dan Kerajaan Beta ada-lah sa-bagaimana yang telah pernah Beta jelaskan yakni yang baik dan jujor di-balas baik dengan jujor, akan tetapi yang jahat dan tidak jujor hendaklah kita menjauhkan diri dari mereka itu".

Untok menguatkan pendapat ini, Duli Yang Maha Mulia dalam titah Baginda telah menegaskan : "Dalam keadaan2 yang terdapat di-sekeliling kita pada masa ini, dan demi untok menjalankan usaha pada menjamin kestabilan Negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini, Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa Negeri Brunei, sa-bagai sa-buah negeri yang menganut Ugama Islam sa-bagai chara hidup-nya yang lengkap, akan sentiasa berusaha ka-arah berbaik2, berkejujoran ka-jalankan yang di-redhai Allah dengan berasaskan unsor2 saling hormat-menghormati.

"Sa-bagaimana yang Beta telah berkali2 tegaskan, Brunei tidak ada mempunyai niat yang jahat kapada mana2 jua negeri, dan Brunei tidak pernah menchampori hal negeri2 lain, oleh yang demikian tidak ada sa-suatu sebab bagi negeri2 lain untok menchampori hal Negeri Brunei, yang mana Brunei ada-lah sa-buah negeri yang berdaulat dan berkerajaan sendiri.

"Negeri Brunei mempunyai perhubongan perjanjian yang lama serta erat lagi mesra dengan Britain, dan Insha Allah Beta dan Kerajaan Beta akan berusaha dengan sedaya-upaya untok memperbaiki serta memperkukohkan lagi perhubongan itu demi untok kepentingan Negeri Brunei dan segala isi di-dalam-nya.

"Dalam perkara perhubongan persahabatan di-antara Brunei dengan Britain ini, Beta ingin mengingatkan kapada semua yang berkenaan, bahawa tiada sa-suatu negeri atau badan mempunyai hak untok menchampori dalam hal ini, yang mana ada-lah semata2 soal di-antara Negeri Brunei dengan Kerajaan Paduka Baginda Queen."

Kedudokan dan pendirian Brunei ini-lah yang harus di-sedari oleh mana2 pehak baik di-dalam maupun di-luar negeri bahawa Negeri Brunei, bukan-lah sa-buah tanah jajahan Inggeris sa-lama ini akan tetapi ia-nya ada-lah sa-buah negara yang berdaulat dan berkerajaan sendiri sa-bagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Kerajaan Baginda Queen sendiri juga telah pernah menyatakan bahawa Brunei bukan-lah sa-buah tanah jajahan Inggeris !

# BRUNEI PUNYA HUBONGAN ERAT DENGAN K'JAAN BAGINDA QUEEN

**Titah sepenoh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika merasmikan Mashuarat Pertama (Belanjawan) dari Musim Permashuaratan Ke-15 Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis 22hb Disember, 1977.**



**Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika bertitah di-Istiadat Perasmian Majlis Mashuarat Negeri.**

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala dan salam serta selawat bagi Junjongan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam serta pengikut2 dan sahabat2 Baginda yang ta'at setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian.

## TENAGA DAN BUAH FIKIRAN YANG JUJOR

Dengan izin Allah jua Permashuaratan Kali Yang Ke-15 bagi Majlis Mashuarat Negeri ini bersidang pada pagi ini. Majlis yang diadakan hari ini ada-lah merupakan satu Majlis Mashuarat yang di-tubohkan semula di-bawah kuatkuasa Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959. Dari itu kapada Pengiran Speaker dan Ahli2 yang telah dilantek semula dan kapada beberapa orang Ahli yang baru, Beta uchapkan tahniah, dan Beta berdo'a dengan penoh harapan mudah-mudahan semua yang berkenaan akan dapat menyumbangkan tenaga dan buah fikiran yang jujor lagi bermunafaat demi untok pada berusaha dan mengusahakan kebajikan dan perlaksanaan perkembangan, penyusunan dan kemajuan Negeri Brunei Darul Salam ka-arah yang diredhai Allah Subhanahu Wata'ala.

## PERUNTOKAN TAHUN 1978

Antara perkara2 yang akan di-binchangkan oleh Majlis ini, ia-lah peruntokan tahunan bagi tahun depan yakni tahun 1978 yang mana Insha Allah akan membayangkan berbagai2 projek kemajuan yang telah di-ranchangkan bagi raayat Beta dan pendudok Negeri Brunei Darul Salam ini. Beta harap serta penoh perchaya bahawa jika di-izinkan Allah hasil2 dari projek2 Kerajaan Beta itu akan terus dapat di-nekmati oleh sa-genap lapisan raayat dan pendudok negeri ini, sama ada yang di-dalam bandar mahu pun yang di-luar bandar dan di-pendalaman, demi untok meninggikan lagi taraf hidup seluroh raayat Beta dan pendudok Negeri ini. Beta juga penoh perchaya bahawa segala kemudahan2 yang sedang di-sediakan dalam kemajuan yang di-ranchang oleh Kerajaan Beta melalui perkembangan pada mengendalikan usaha2 ekonomi dan usaha2 yang berkebajikan oleh raayat Beta dan pendudok Negeri ini dalam menumpukan tenaga masing2 pada mendapatkan rezeki yang halal yang diredhai Allah Subhanahu Wata'ala. Projek2 saperti Skim Pinjaman Permodalan bagi Peniaga2 Kechil dan Sederhana, perkembangan2 infrastructure yang akan diteruskan, pembenaan bangunan2 perumahan dan sa-umpama-nya, ada-lah diantara perkara2 yang Beta maksudkan dalam konteks ini.

## RANG UNDANG2

Sa-lain dari itu, Ahli2 Yang Berhormat dalam Majlis ini akan membinchangkan beberapa perkara yang penting pada mempupuskan lagi hasrat Beta dan Kerajaan Beta dalam perkara2 yang akan mendatangkan kebajikan kapada raayat dan pendudok Negeri ini, antara-nya Majlis ini akan membinchangakn beberapa Rang Undang2, sama ada Undang2 yang baru mahu pun Pindaan2 gubahan (pembaikan2) kapada Undang2 yang lama, yang mana Beta berharap kesemua ini Ahli2 Yang Berhormat dalam mempertimbangkan-nya akan dapat menghadapkan buah fikiran yang membena dan yang jujor lagi sehat, semata2 berasaskan kepentingan Negeri Brunei Darul Salam yang mempunyai isi di-dalam-nya.

## PELIHARA KEAMANAN

Mengambil sempena Pembukaan Rasmi hari ini Beta sekali lagi ingin menekankan betapa penting-nya supaya kita terus-menerus dengan tidak kendur2-nya menambahkan lagi usaha2 kita dalam aspek2 pertahanan dan keselamatan, sama ada yang di-kendalikan oleh pehak2 Pasokan Polis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei, mahu pun Jabatan Keselamatan dan Perisek. Hendak-nya-lah segala persiapan2 di-perketatkan supaya semua raayat Beta yang di-kasehi sekalian serta pendudok Negeri Brunei yang chintakan keamanan akan dapat menjalankan usaha2 mereka yang berkebajikan dalam kehidupan mereka sa-tiap hari dalam keadaan dan suasana yang aman tenteram, tanpa sebarang gangguan atau kekachauan atau kuchar-kachir dari mana2 jua pehak. Insha Allah, Kerajaan Beta dalam bidang keselamatan dan ketenteraman akan terus menjalankan peranan yang aktif lagi berkesan. Dari itu, Beta berseru supaya seluroh raayat Beta dan pendudok Negeri ini akan terus memberikan kerjasama dengan sepenoh-nya sabagaimana telah mereka berikan sa-lama ini kapada pehak2 keselamatan.

## BERBAIK2 DAN BERKEJUJORAN

Dalam keadaan2 yang terdapat di-sekeliling kita pada masa ini, dan demi untok menjalankan usaha pada menjamin kestabilan Negara Brunei Darul Salam yang terchinta ini, Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa Negeri Brunei Darul Salam, sa-bagai sa-buah Negeri yang menganut Ugama Islam sa-bagai chara hidup-nya yang lengkap akan sentiasa berusaha ka-arah berbaik2, berkejujoran ka-jalan yang di-redhai Allah dengan semua yang berkenaan yang sudi serta ikhlas dan jujor bagi menghulurkan chita2 murni kerana Allah dengan berasaskan unsor2 saling hormat-menghormati. Sa-bagaiamana yang Beta telah berkali-kali menegaskan, Brunei tidak ada mempunyai niat yang jahat kapada mana2 jua negeri, dan Brunei tidak pernah menchampori hal negeri2 lain, oleh yang demikian tidak ada sa-suatu sebab bagi negeri2 lain untok menchampori hal Negeri Brunei, yang mana Brunei ada-lah sa-buah Negeri yang berdaulat dan berkerajaan sendiri. Negeri Brunei mempunyai perhubongan perjanjian yang lama serta erat lagi mesra dengan Britain, dan Insha Allah Beta dan Kerajaan Beta akan berusaha dengan sedaya-upaya untok memperbaiki serta memperkukohkan lagi perhubongan itu demi untok kepentingan Negeri Brunei dan segala isi di-dalam-nya.

## HINDARI KEJAHATAN

Dalam perkara perhubongan persahabatan di-antara Brunei dengan Britain ini, Beta ingin mengingatkan kapada semua yang berkenaan, bahawa tiada sa-suatu negeri atau badan mempunyai hak untok menchampori dalam hal ini, yang mana ada-lah semata2 soal di-antara Negeri Brunei dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen. Mengenai dengan negeri2 jiran pula, sama ada yang dekat mahu pun yang jauh, sikap dan dasar Beta dan Kerajaan Beta ada-lah sa-bagimana yang telah pernah Beta jelaskan yakni yang baik dan jujor dibalas baik dengan jujor, akan tetapi yang jahat dan tidak jujor, akan tetapi yang jahat dan tidak jujor hendak-lah kita menjauhkan diri dari mereka itu.

## KEMESRAAN

Pada mengakhiri uchapan Beta ini, Beta dengan ikhlas menguchapkan terima kaseh kapada Yang Amat Mulia Pengiran Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian, dengan penoh harapan supaya Permashuaratan ini dengan izin Allah akan menghasilkan kapada Negeri Brunei yang mempunyai berjenis2 isi di-dalam-nya. Beta juga ingin menguchapkan terima kaseh dan penghargaan kapada Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi Paduka Seri Baginda Queen di-Brunei yang sudi hadhir di-Majlis ini yang mana kehadhiran Tuan Yang Terutama itu memberikan satu lagi bokti perhubongan yang rapat dan yang jujor lagi mesra di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.



YB Dato Setia Awang Abdul Rahman, Pemangku Setia Usaha Kerajaan; YB Pengiran Bahrin, Pemangku Peguam Negara yang juga mengangkat sumpah pada hari itu. Di-sebelah kanan ia-lah Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.

# USOL KEBERANGKATAN DAN TITAH DYMM, MAJLIS MENJUNJONG SEPENOH-NYA

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, telah menchadangkan satu usol yang berbunyi:—

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol untok menyembahkan uchapan sepenoh2 menjunjong kaseh kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan di-atas titah Duli Yang Maha Mulia, yang Majlis ini menjunjong dengan sepenoh2-nya."

Sa-waktu menchadangkan usol tersebut supaya di-sokong dan di-luluskan, Yang Amat Mulia itu bersabda antara lain bahawa berasaskan kemajuan dan perkembangan yang terus menerus yang telah di-usahakan oleh Kerajaan, tidak shak lagi ia-nya akan dapat di-nekmati oleh sa-genap lapisan raayat dan pendudok di-negeri ini pada meninggikan taraf hidup mereka.

Sabda-nya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga terus menerus berusaha dalam bidang keselamatan bagi memupok keharmonian raayat dan pendudok di-negeri ini supaya kenekmatan yang sedang kita idam2kan itu akan terus ujud.

Kerajaan Kebawah DYMM, tambah Yang Amat Mulia itu akan sentiasa menghulorkan tali silatulrahim, untok berbaik2 kapada orang yang ingin berbaik2 dengan kita.

Yang Amat Mulia telah juga mengalu2kan kapada Ahli2 Yang Berhormat yang baru di-lantek dan Ahli2 Yang Berhormat lainnya dan berharap semoga Ahli2 Dewan itu akan dapat menyumbangkan tenaga dan fikiran mereka ka-arah yang berkebajikan untok raayat dan Negeri Brunei Darussalam jua.

Usol yang telah di-chadangkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail itu telah di-sokong oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin.

Apabila usol di-bukakan untok di-binchangkan kesemua Ahli Dewan, kesemua ahli Yang Berhormat yang di-lantek bukan kerana jawatan telah memberikan buah fikiran masing2 pada menyatakan sokongan sepenoh-nya ka-atas usol tersebut. Seramai empat orang Ahli Rasmi kerana jawatan telah juga memberikan fikiran pada menyekutukan diri untok menyokong usol itu.

Setelah perbinchangan2 di-bukakan, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah mengundi usol dan mendapati bahawa usol tersebut telah di-sokong dengan sepenoh2-nya dan di-luluskan dan sidang itu di-tanggohkan serta akan di-sambong semula pada jam lapan pagi ini untok membinchangkan Belanjawan Tahun 1978.



Y.B. Awang Haji Zakaria ketika mengangkat sumpah.

## Kerajaan banyak menyediakan kemudahan2 asas

Yang Berhormat Awang Haji Zakaria bin Datu Maha Wangsa Hj Sulaiman menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah banyak menyediakan kemudahan2 asas yang terus menerus di-jalankan dan kejayaan-nya sedang di-chapai dengan berkat kerjasama pegawai2 Kerajaan dan kerjasama orang ramai di-negeri ini.

Mengenai perkembangan kemajuan di-negeri ini, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa sa-tiap projek yang akan di-laksanakan oleh Kerajaan, Kerajaan hendak-lah berhati2 sa-belum melaksanakan-nya dengan mengadakan penyiasatan, penyelidekan dan dan seumpama-nya sa-belum mempertimbangkan-nya, samada mendatangkan faedah atau di-sebalek-nya, maka sudah tentu ia-nya mengambil masa.

Menyentoh dengan Keluaran Kasar Negara (GNP), dari tahun ka-setahun adalah bertambah dan membanggakan berbanding dengan negeri2 lain di-sebelah rantau sini dan menurut dari perangkaan menunjokkan Brunei ada-lah lebeh baik dan meningkat — ini satu kemajuan kita yang tidak dapat di-nafikan.

Kerajaan, tambah Yang Berhormat itu, sedang mengator tenaga manusia yang berdisplin serta berkemahiran pada memelihara keamanan dan kemakmoran yang sedang kita nekmati sekarang.

Menyentoh tentang skim bantuan pengusaha dan peniaga2 kechil bumiputera, menurut Yang Berhormat itu bahawa skim tersebut telah di-luluskan oleh Kerajaan sejak awal tahun ini. Dari sa-jumlah 86 permohonan yang di-terima, pada setengah2-nya ada yang telah di-pertimbangkan dan pada setengah2-nya maseh dalam proses pertimbangan. Insha Allah, beliau berharap skim tersebut akan dapat menchapai kemajuan yang di-hajatkan.

Ranchangan skim bantuan itu, sambong-nya, bukan sahaja untok menolong peniaga2 bumiputera, akan tetapi ia-nya juga akan menyediakan bantuan sechara pegawai2 jika di-perlukan oleh pemohon2 yang layak mendapatkan pinjaman tersebut.

Pegawai2 Kerajaan Kebawah DYMM, tidak sekali2 akan mengabai2kan hasrat tersebut, tegas beliau. Sebelum dari itu, Yang Berhormat Awang Haji Zakaria menyembahkan kaseh atas keberangkatan Kebawah DYMM serta melafadzkan titah uchapan yang mana Majlis ini menyokong dengan sepenoh2-nya.

Beliau juga menjunjong kaseh atas lantekan-nya sebagai ahli rasmi Kerajaan yang baru di-lantek.

## Ahli2 M.M.N. yg. baru angkat sumpah

DUA orang Ahli Kerana Jawatan dalam Majlis Mashuarat Negeri; sa-orang Ahli Rasmi dan sa-orang Ahli Yang Di-Lantek telah mengangkat Sumpah di-hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Speaker sa-jurus sa-belum majlis itu memulakan sidang-nya pada hari Khamis lalu.

Mereka ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Pemangku Setia Usaha Kerajaan; Y. B. Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Pemangku Peguam Negara; Y.B. Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman dan Y.B. Awang Abdul Latif bin Abdul Hamid.

Y.B. Awang Haji Zakaria dan Y.B. Awang Abdul Latif ia-lah ahli2 yang baru di-lantek dan pertama kali-nya menghadhiri persidangan tersebut.

## *Shor tubohkan sa-buah J/Kuasa untok meneliti ranchangan yang di-sediakan*

Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid ketika menyokong usol yang telah di-chadangkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, menchadangkan supaya Kerajaan menubohkan sa-buah Jawatankuasa untok meneliti segala ranchangan yang telah di-sediakan untok kemajuan raayat dan negara itu supaya ia-nya akan benar2 berjalan tanpa gangguan.

Yang Berhormat itu juga mengharapkan supaya satu pentadbiran yang jujor dan bertanggong-jawab kapada raayat, merupakan satu2-nya yang patut di-laksanakan oleh Kerajaan di-samping ranchangan2 pembangunan pada mendatangkan produktif supaya anak2 negeri akan dapat bersama2 menekmati-nya.

Menyentoh titah Kebawah DYMM yang telah di-lafazkan Baginda dalam majlis perasmikan persidangan Majlis Mashuarat pada pagi itu, Yang Berhormat Awang Abdul Latif berharap supaya titah Baginda itu akan di-ikuti satu persatu dan jangan di-ampai2kan oleh pehak yang berkenaan!

Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun, tegasnya, sunggohpun banyak projek2 yang telah di-lancharkan yang mendatangkan faedah, akan tetapi sa-takat ini ada banyak lagi perkara2 yang belum dapat di-nekmati oleh kaum bumiputera, terutama-nya dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

Beruchap mengenai dengan Skim Pinjaman untok perusahaan dan peniaga2 kechil bumiputera, Yang Berhormat itu mengharapkan supaya skim tersebut akan mendatangkan munafaat dan berharap sangat supaya hal tersebut akan benar2 di-ambil perhatian oleh pehak yang berkenaan.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat Awang Abdul Latif menguchapkan shukor kapada Allah dan menjunjong kaseh atas limpah kornia Kerajaan Kebawah DYMM melantek-nya sebagai sa-orang Ahli Yang Berhormat yang baru di-lantek. Beliau berikrar akan memberikan kerjasama sepenoh-nya kapada Kerajaan seberapa yang terdaya untok faedah raayat dan negara, sekali pun tanggong-jawab yang di-amanahkan kapada-nya itu sunggoh berat sekali.



Y. B. Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid ketika mengangkat sumpah.



# Sultan opens Legco meeting

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan and Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah officially declared open the fifteenth session of the Legislative Council with a speech from the throne at the Dewan Majlis here last Thursday.

His Highness arrived at approximately 9.34 a.m., took the royal salute and inspected the guard-of-honour mounted by a detachment of the Royal Brunei Force (above). The police band was in attendance.

After a brief rest period, the Speaker Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar invited His Highness into the Dewan where His Highness delivered his speech from the throne.

Among the state dignitaries present at the ceremony were the British High Commissioner Mr. James Davidson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, the Menteri Besar, Wazirs, Cheterias, Pehin Menteris, community leaders, senior government officials and invited guests.

# Vacancies for constables

The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Force as Constables.

Successful applicants will undergo a six-month period of recruit training at the Police Training Centre, Jalan Muara in early February.

Applicants must be Brunei subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5′ 2″ in height and be physically fit.

The minimum requirement for entry to the Force is Standard VI Malay or English.

The starting salary of a recruit is $325.00 a month plus $100.00 allowance. On completion of training basic salary and allowance arises to $525.00.

Applicants should attend for interview by the Recruiting Officer at the following places:

Bandar Seri Begawan Police Station, on Tuesday 3rd January at 8.00 am and 2.00 pm.

Tutong Police Station, on Wednesday 4th January at 9.00 am.

Lamunin Police Station, on Wednesday, 4th January at 2.00 pm.

Kuala Belait Police Station, on Thursday 5th January at 9.00 am.

Seria Police Station, on Thursday, 5th January at 2.00 pm.

Temburong Police Station, on Saturday 7th January at 8.00 am and 2.00 pm.

Bandar Seri Begawan Police Station, on Monday, 9th January at 8.00 am and 2.00 pm.

Tutong Police Station, on Tuesday, 10th January at 9.00 am.

Lamunin Police Station, on Tuesday 10th January at 2.00 pm.

Kuala Belait Police Station, on Wedesnday, 11th January at 9.00 am.

Seria Police Station, on Wednesday 11th January at 2.00 pm. and

Temburong Police Station, on Thursday 12th January at 9.00 am and 2.00 pm.

# $568 for disaster fund

BANDAR SERI BEGAWAN.— The Brunei State Scout Association last week donated a sum of five hundred and sixty-eight dollars to the Brunei National Disaster Fund.

The cheque was handed over to the Chairman of the welfare organisation, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein who is also the Director of Welfare, Youth and Sports Department at his office here by an official of the association's additional fund committee.

They money was part of the proceeds from the Big Walk organised by the association three months ago.

It was the association's second project this year the first being a charity film show held last June.

# NO REASON FOR OTHERS TO MEDDLE IN BRUNEI'S AFFAIRS

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan has reiterated that Brunei will always strive to be friendly with all those willing to extend sincere goodwill and mutual respect.

He said Brunei has no ill-intention towards any countries and never interfered in the affairs of others.

Therefore, he continued, there is no reason whatsoever for other countries to meddle in its affairs as it is a sovereign and self-governing State.

His Highness said this in a speech from the throne at the official opening of the Legislative Council meeting at the Dewan Majlis here last Thursday.

His Highness said Brunei has a lasting and cordial agreement of close relationship with Britain and this will be further improved and strengthened for the benefit of Brunei and its people.

He pointed out that there is no country or organisation which has the right to interfere in the matter which is solely a question between Brunei and Britain.

Touching on the neighbouring countries, His Highness said Brunei would continue to be reciprocal towards those who were good and sincere but would keep away from the unfriendly and insincere ones.

Earlier in his speech the Sultan stressed the importance of further strengthening the country's defence and security aspects whether those undertaken by the Royal Brunei Malay Regiment ,the Royal Brunei Police Force or the Department of Security and Intelligence.

He said the state of preparedness should be tightend so that the people who love peace could continue to live in peace and tranquility, without interference or disturbance from others.

His Highness called on the people to give their full cooperation to the security forces as they had done in the past.

On the meeting, His Highness said one of the items to be discussed by the Council would be next year's budget which would unveil various development project aimed at raising the living standard of the people throughout the State.

The Sultan also said he believed the countless facilities being provided in the government development projects would help the people economically and socially.

He mentioned a few of the projects he refered to such as the Capital Loan Scheme for small and medium businessmen, infrastructural development which would continue to be carried out and construction of residential buildings.

His Highness said in addition the council will discuss among other things new bills, as well as bills to amend old laws.

He hoped the members will give constructive, sincere and healthy views and ideas for the benefit of all.

# RBA at OAA meeting




BANDAR SERI BEGAWAN. — The General Manager of Royal Brunei Airlines, Mr. A.T. Douglas, last week returned from attending the Orient Airlines Association (OAA) Assembly of Presidents' Meeting in Sydney, Australia.

The meeting was hosted by the Chairman of the Orient Airlines Association, Sir Lennox Hewitt, who is also Chairman of QANTAS

Royal Brunei became a member of the OAA on 1st April this year.

The picture shows Mr. Douglas (left) receiving the membership certificates from Sir Lennox Hewitt.



**A group of students from the St. Andrew's School, Bandar Seri Begawan, photographed with their teacher Mr. Michael Burgess at the Birau Agricultural Station during a recent educational visit to the station.**

**The station is situated in Jalan Lamunin in the Tutong District about nineteen miles from the capital.**

**It is becoming one of the most popular of the many agricultural stations in the State with people from an walks of life especially students and farmers making frequent visits to acquint themselves with the various modern agricultural facilities there.**

# NILAI MANUSIA DI-UKOR DARI PERIBADI-NYA

PADA umom-nya kita hanya menyedari bahawa diri kita ini tidak lebeh dan tidak kurang dari nilai makhlok biasa yang saban hari berjuang dan bertungkus lumus untok menyambong kehidupan sa-hari2 berteraskan ke-ahlian dalam bidang masing2. Tetapi fahaman yang sedemikian itu ada-lah jauh bertentangan dengan hakikat yang sa-benar-nya, oleh sebab nilai sa-orang manusia itu terlalu tinggi dan berbedza dengan nilai sa-ekor haiwan atau sa-butir benda yang ujud di-alam ini.

Menilai sa-ekor haiwan boleh-lah di-ukor daripada gemok dan kurus-nya atau sehat dan sakit-nya, dan demikian-lah pula benda2 yang lain yang boleh di-nilai dari unsor2 yang terdapat dalam benda tersebut.

Ada pun nilai diri kita sa-bagai manusia lebeh2 lagi sa-bagai umat Islam bukan hanya terletak pada kesihatan, kekuatan tuboh badan atau pada pangkat yang di-sandang dan kekayaan yang di-mileki, yang paling utama ia-lah pada peribadi keIslaman yang merangkum bidang pendidekan rohani dan duniawi, amalan2 yang berkebajikan, chara hidup dan sa-bagai-nya. Pada umom-nya sa-orang yang memileki peribadi keIslaman mempunyai unsor2 kehidupan yang berikut; mempunyai perangai yang halus dan jujor, memileki kelakuan yang baik dan mulia, menghormati sesama manusia serta menggunakan akal-nya bilamana bertindak terhadap sa-suatu. Demikian-lah antara lain unsor2 keperibadian yang di-tuntut oleh Ugama kita.

Di-zaman kemajuan dewasa ini, nampak-nya semakin terdapat orang2 yang membelakangkan nilai2 keperibadian yang di-sebutkan di-atas. Sifat2 jujor dan amanah telah di-permain2kan oleh sa-tengah orang, hormat-menghormati hanya terdapat pada kalangan2 tertentu dan saterus-nya sa-suatu tindakan kadang2 melampaui pertimbangan akal fikiran. Oleh kerana itu hanchor-lah maana keperibadian Islam tadi dan sa-terus-nya lenyap-lah nilai2 kemanusiaan yang membedzakan antara makhlok haiwan dan insan.

Di-zaman negara kita sedang membangun ini ada-lah mustahak sa-tiap orang menyedari betapa penting-nya unsor2 keperibadian tadi di-mileki serta di-amalkan demi untok kepentingan negara yang kita kasehi. Tidak shak lagi, ia merupakan suatu derma bakti dari sa-tiap raayat kerana mengabdikan sifat2 jujor dan amanah, menghidupkan suasana aman dan harmoni serta melahirkan kesejahteraan yang sangat2 di-tuntut oleh negara.

Mudah2an dengan keadaan yang sedemikian kemajuan negara kita akan berjalan dengan lanchar serta mendapat keredhaan Allah s.w.t.




# Memelok Ugama Islam

SATU majlis memelok Ugama Islam telah berlangsong di-tempat kediaman Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar di-Rumah Semaun di-Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Majlis pengIslaman itu di-lakukan ka-atas satu keluarga Eropah sa-ramai 4 orang yang terdiri dari Awg C. G. E. Alterskye berumor 44 tahun, yang di-kenali dengan nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohd Ali bin Abdullah, isteri-nya Dayang Susan Alterskye berumor 33 tahun yang memileh nama baru Islam-nya sa-bagai Dayang Siti Fatimah bte. Abdullah dan anak2 mereka di-kenali sa-bagai Awg Hassan bin Mohd Ali dan Awg Hussin bin Mohd Ali.

Akad pengIslaman katas keluarga tersebut telah di-lakukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin.

Kira2 lebeh 200 orang hadhir di-majlis itu termasok Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Mumin bin Pg Othman, Ahli2 Yang Berhormat, Pehin2, Ketua2 Jabatan, Pegawai2 Kanan Kerajaan dan jemputan2 khas.

Majlis itu telah di-serikan dengan zikir Ashraqal Anam (Salai), Berzanji Nathar (Rawi) dan Berzanji Nazam (Marhaban).

SAUDARA baru Islam bertambah lagi dengan kemasokan Islam sa-orang gadis Tiong Hwa, Tan Nor Ah Ya, 22 tahun, dalam satu majlis pengIslaman yang telah berlangsong di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada 15hb. Disember, 1977 lalu.

Ketika melafadzkan akad Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin, Tan Nor Ah Ya, memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Norhaya bte Mahlai @ Abdullah. Dayang Norhaya berasal dari Kampong Ukong, Ulu Tutong, Brunei.

# Penyampaian sijil dan penutop penggal sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian sijil2 lulusan darjah VI Sekolah Ugama Madrasah Pagi dan Petang bagi tahun 1975 dan 1976, dan Majlis Penutop Penggal Akhir Persekolahan, 1977 telah di-langsongkan pada 16hb Disember, 1977 di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½ Jalan Tutong.

Nadzir Kanan Sekolah2 Ugama, Awang Haji Mahali bin Haji Abdullah telah menyampaikan uchapan bagi pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Pelajaran dan sa-terus-nya menyampaikan sijil2 tersebut.

Nadzir Sekolah2 Ugama, Awang Haji Zarkashi bin Haji Mohd Yusof telah menyampaikan hadiah2 pelajaran kapada murid2 Sekolah Ugama Madrasah Petang. Manakala Penolong Nadzir Sekolah2 Ugama Daerah Brunei/Muara, Awang Tahir bin Haji Ja'afar menyampaikan hadiah2 pelajaran terbaik bagi murid2 Sekolah Ugama Madrasah Pagi yang telah berjaya pada tahun ini.

Achara2 lain yang menyerikan majlis itu ia-lah persembahan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Mohd. Daud bin Kadir, sa-orang penuntut di-sekolah tersebut, persembahan Nashid dan Marhaban oleh murid2 sekolah tersebut.



Kelihatan dalam gambar atas penuntut2 dari Maktab SOAS (S) memperdengarkan persembahan nashid mereka di-majlis pertandingan membacha Al-Kor'an bagi sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri kali ke-4 yang telah di-adakan di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong pada petang hari Isnni, 12hb Disember lepas. (Gamoar JHEU).

# Awal muharram di-semua daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa achara telah di-langsongkan di-semua daerah di-negeri ini bagi menyambut awal Muharram, tahun Hijrah 1398 baru2 ini.

Sambutan awal Muharram tahun ini telah di-mulakan oleh pendudok2 Daerah Brunei dan Muara yang telah di-langsongkan di-Sekolah Melayu dan Persediaan Inggeris Tamoi di-sini pada malam Ahad 11hb Disember.

Majlis pada malam itu telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei. Beberapa achara persembahan termasok peraduan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an antara murid2 sekolah Ugama telah di-adakan. Yang Berhormat itu juga telah menyampaikan hadiah, kapada pemenang2 peraduan malam itu.

Sambutan tersebut telah di-ikuti kemudian-nya oleh pendudok2 Daerah Temburong pada malam Jumaat, 16hb Disember yang berlangsong di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi.

Majlis pada malam itu telah di-buka rasmi oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad manakala beberapa achara menarek telah juga di-pertunjokkan yang antara-nya bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an, sharahan khas mengenai awal Muharram, peraduan bahas antara murid2 SM. Sultan Hashim dengan SM. Negalang dan peraduan menghafaz ayat2 lazim Al-Kor'an. Satu pertunjokan tayangan wayang gambar telah juga di-adakan oleh Bahagian Penerangan Jabatan, Hal Ehwal Ugama di-akhir sambutan tersebut.

Sementara itu di-Daerah Tutong pula, sambutan awal Muharram telah di-langsongkan di-Dewan Sekolah Melayu Kiudang pada malam Sabtu, 17hb Disember di-mana Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Harris telah merasmikan-nya.

Satu sharahan khas mengenai awal Muharram telah di-sampaikan oleh Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Timbalan Kadhi Besar Brunei yang juga merupakan salah satu achara pada malam itu di-samping achara peraduan bahas antara Ketua2 Kampong, Imam2 dan guru2 Ugama serta pendudok kampong dan persembahan nashid.

Sambutan yang sama telah juga di-adakan di-Sekolah Melayu Lumut bagi Daerah Belait pada malam Rabu, 21hb Disember dengan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar. Satu persembahan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh johan qari musabaqah membacha Al-Kor'an antarabangsa, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit telah turut diperdengarkan di-majlis malam itu.



Kelihatan Yang Behormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid sedang menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang murid yang memenangi peraduan malam sambutan Awal Muharram di-Sekolah Melayu dan Persediaan Inggeris Tamoi.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28hb Disember, 1977 hingga ka-hari Selasa 3hb Januari, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28hb Dis. | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 29hb Dis. | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 30hb Dis. | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 31hb Dis. | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 1hb Jan. | 12.30 | 3.47 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 2hb Jan. | 12.30 | 3.47 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 3hb Jan. | 12.30 | 3.47 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Apa Dia "Semantik" (Siri ke-6)

Oleh :
AWG. RAYMOND PHOA KIM HONG

Petikan dari PELITA BRUNEI, keluaran TAHUN 14, BILANGAN 32, 6hb Julai, 1969.




**DALAM** siri enam dan juga terakhir minggu ini, mengenai tajok 'Apa Dia Semantik?' kita bersama2 akan membinchangkan unsor 'nilai rasa' yang berkisar di-antara istilah2 atau kata2 'kunjong', 'mengunjongi', 'di-kunjongi', 'perkunjongan', 'berkunjongan', 'pengunjong', ataupun 'serba-kunjong'; ia-itu kata2 yang telah pernah di-perbinchangkan dengan luas dan menarek hati, oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, dalam Kelas Bimbangan Sastera anjoran Astrawani di-Dewan Raya, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, begitu juga dalam ruangan pelajar Radio Brunei beberapa masa yang lalu. Adapun maksud-tujuan saya mengulangi perbinchangan tersebut, tidak lain dan tidak bukan, hanya-lah menyokong pendapat Yang Berhormat dan sambil-lalu menyegarkan ingatan kita bersama, sa-lain daripada mengisi lowongan2 (tempat2 kosong) di-sana-sini.

Sa-bagai kita sebutkan dalam siri2 yang lalu, maana kata dan pengertian sapatah istilah atau kata itu ada-lah di-tentukan oleh masharakat atau lingkongan pemakai bahasa, sa-chara OBJEKTIB ia-itu dengan maana dasar, ataupun sa-chara SUBJEKTIB ia-itu dengan maana meluas; kerana, pada hakikat-nya penilaian terhadap istilah-kata itu ada-lah hak mereka bersama.

Tetapi terlebeh dahulu, mari-lah kita jawab apa erti-nya 'kunjong' dengan memberikan beberapa kata2 sa-imbang, sa-erti, sa-laras yang maana dasar-nya semua sama, namun nilai rasa-nya berbedza2 dalam dunia pemakaian-nya:—

'Kunjong' sa-tara, sa-erti, sa-imbang dengan kata2 pergi, datang, jumpa, singgah, jengok, tinjau, lawat, mampir, embara (kembara), tandang, ungsi, ziarah, hijrah, 'muhibbah' dan sa-bagai-nya. Hanya pemakaian-nya yang berbedza2. Perhatikan umpama-nya ayat2 berikut sa-bagai chontoh:—

Pada 'am-nya 'kunjong' sifat-nya netral (tidak berpehak), umpama-nya dalam ayat, "Pada hari raya ini ramai orang berkunjong ka-rumah kami."

Pergi dan datang punya maana biasa sahaja, umpama-nya. "Dia pergi ka-Seria, dan saya datang dari Kuala Belait; sama2 mengunjongi Bandar Brunei."

Jumpa punya tujuan atau maksud tertentu saperti, "Mereka itu menjumpai kami di-sini; berkunjong ka-rumah keluarga yang mengadakan majlis hari jadi."

Singgah, jengok, tinjau, lawat, mampir, tandang punya maana sementara hingga berhari2, umpama-nya, "Dalam kunjongan-nya kamari, Menteri Muda itu singgah di-Labuan, menjengok orang sakit di-Rumah Sakit Besar di-sini, meninjau keadaan luar bandar, melawat sahabat2 lama-nya, mampir sa-kejap di-Pejabat Imigereshen dan tandang ka-rumah tunang-nya."

Embara punya erti berkunjong dari kampong halaman sa-bagai sa-orang musafir, petualang, kelana atau bangsa Gypsy, umpama-nya, "Lee Han mengambara sa-panjang hidup-nya dalam buku 'Musafir!"

Ungsi pula punya erti mengunjongi tempat lain sebab lari dari tempat asalnya, untok menetap di-sana, umpama-nya, "Muhajirin, para penganut, pengikut Nabi Muhammad s.a.w. mengungsi ka-Medinah."

Ziarah punya erti berkunjong ka-tempat yang keramat, suchi, kubor dan sa-bagai-nya, umpama-nya, "Ramai pendudok Brunei berziarah ka-Mekah untok menunaikan rukun Islam yang kelima, ia-itu naik haji."

Hijrah pula sudah tentu punya maana hampir sama dengan ungsi, dalam umpama-nya, "Tarikh Islam dimulai dari Hijrah Muhammad ka-Medinah pada tahun 622."

Dan lawatan "muhibbah" punya erti berkunjong untok persahabatan dan kaseh, 'goodwill mission' kata orang Inggeris, umpamanya, "Semalam, Abdullah bermimpi, sa-bagai wakil Setiausaha Agong Persatuan Bangsa2 Bersatu ia-itu U Thant dia membuat lawatan 'muhibbah', mengunjongi ka-semua-nya 122 negara2 dalam PBB dari Afghanistan hingga ka-Zambia."

Kembali kapada istilah 'kunjong' yang pemakaiannya telah sangat 'am digunakan untok semua maana sa-bagaimana sudara-saudari perhatikan dari pengayatan kata2 sa-imbang, sa-tara, dan sa-erti tadi, maka baik-lah juga kita mengambil kesimpulan tentang pemakaian khas daripada istilah 'kunjong' itu dalam masharakat lama dan masharakat baru-modern: Kalau dalam masharakat dulu-kala atau zaman bahari, 'kunjong' dipakai dalam umpama-nya, "Kunjongan Raja Melaka, Sang Manika di-sambut dengan meriah-nya oleh Raja Majapahit, Seri Betara dan sekalian-nya raayat tanah Jawa", maka dalam zaman sekarang atau zaman baru 'kunjong' itu di-pakai dalam umpama-nya, "Pelajar2 Brunei hendak mengunjongi luar negeri."

Dari apa yang telah kita perbinchangkan bersama2 sa-lama beberapa minggu ini, dalam tajok besar 'Apa Dia Semantik?', siri pertama hingga siri ke-enam, dapat-lah kita mengambil kesimpulan saperti berikut:—

Pertama, istilah2 atau kata itu ada-lah sa-bagai makhlok, katakan-lah saperti manusia dan binatang: mereka lahir atau di-lahirkan; mereka tumboh; mereka berbuah; dan mereka mati. Ambil-lah sa-bagai chontoh, kata 'pujangga'. Kata pujangga lahir atau di-lahirkan ka-dalam bahasa Melayu, berasal dari bahasa Sanskrit yang maananya 'ular'. Tetapi kata ini kemudian tumboh dengan maana lain ia-itu 'sarjana; dan kemudian yang bernilai tinggi, ataupun pakar falsafah — sastera'. Maka, dalam kata lain maana asalnya telah mati, walaupun kata-nya terus hidup.

Kedua, di-antara kelahiran dan kematian mereka itu, istilah2, kata2, ataupun bahasa lisan dan tulisan-lah sa-bagai alat pemikiran manusia, alat penyimpan dari penyampaian fikiran, perasaan pengalaman di-antara sa-sama manusia. Sa-bagaimana kata orang Inggeris pula, "*Language is the dress of though*", atau orang Tionghua, "*Yu yen shih ssu hsiang ti piao ta*", atau pun yang di-sebut di-dalam bahasa Melayu, "*Bahasa ada-lah chermin pemikiran.*" Dengan ini izinkan-lah saya menutop perbinchangan 'Apa Dia Semantik?' dengan sa-rangkap shaer:—

"Akan guna-nya pengasah ilmu,
Di-dalam hidup bagai kemudi,
Bagai Penghidupan sa-bagai pandu,
Supaya pelajar2 berjaya di-belakang hari."

—TAMAT —

# HARAPAN KAPADA PELAJAR2

(SAMBONGAN)

Oleh :
IDRIS ABDUL GHANI

Petikan dari PELITA BRUNEI, keluaran TAHUN 15, BILANGAN 4, 28hb Januari, 1970.

**PENDEK kata, jangan-lah kita memileh hidup sa-bagai nyanyian ombak yang hanya berbunyi ketika terhempas ka-pantai, tetapi hendak-lah kita berusaha memileh hidup sa-bagai ayer bah, mengubah dunia dengan ilmu dan amal kita.**

Dan untok memenohi chita2 ini, hendak-lah kita menyedari, bahawa zaman itu tidak sentiasa tertawa dengan kita, malahan zaman itu akan kerap pula menangis. Oleh yang demikian, apabila kita bertemu dengan suatu jalan buntu, tertumbok langkah hingga itu, kita tidak boleh berputus asa, tidak boleh menyingkir diri dari penghidupan, apa lagi sa-bagai pelajar, melainkan tempoh-lah, berjuang-lah dan tegak-lah menchari jalan atau ikhtiar bagaimana kesukaran itu dapat di-tempoh dan dapat terlepas. Kerana kita ada akal di-berikan Tuhan untok menjadi penuntut dalam menghadapi kesukaran itu.

Perchaya-lah, kita hidup bukan untok senang, tetapi kita di-hidupkan ada-lah untok melakukan kewajipan, kewajipan yang dititahkan oleh perasaan sendiri — perangai utama ada-lah tuntunan orang untok menempoh bahagia dan sengsara.

Di-harapkan kapada pelajar sekalian — pandanglah jalan luas di-hadapan, mulai-lah ator langkah perjuangan di-medan pelajaran dengan tenang menuju chita2. Sa-langkah demi sa-langkah perjalanan kita, detik demi detik perjalanan jam itu, mahu-nya kita selalu berselimut dengan bakti untok bangsa dan negara, bakti kerana ugama dan Ilahi agar kejayaan kita bukan di-dunia fana sa-mata2, malahan di-akhirat juga. Bakti yang di-pandu oleh pengetahuan tinggi.

Dengan tidak berkeputusan di-harapkan kapada jiwa2 pelajar sa-umom-nya supaya hidup selalu berbakti. Sebab pelajar2 hari ada-lah bayangan masharakat di-masa akan datang. Maju mundor-nya bangsa dan negara ada-lah terletak kapada pelajar2 hari ini. Sebab itu pelajar2 sangat-lah perlu bersungguh di-dalam pelajaran jika benar2 ingin untok berbakti.

Sa-tiap pelajar di-harapkan, mahu-nya menanam azam ini. Azam yang mengertikan bahawa tidak akan terchapai kemajuan dan ketinggian bangsa kalau di-sana kekurangan orang yang terpelajar untok berjasa dan berbakti. Jasa dan bakti yang di-pandu oleh pengetahuan2 tinggi. Dan kita mesti menanti serta bertanggoh untok mendapatkan pelajaran bagi membuat bakti, dan kalau ada saki-baki-nya di-dada tiap2 jiwa bangsa dan pelajar kita 'perasaan tidak apa-lah, biar-lah, chukoplah' — kikiskan-lah dan hapuskan-lah dari jiwa kita itu. Sebab sekarang telah tiba masa-nya saat kita berjudi dengan usaha dan tenaga. Saat ini, sangat2 perlu usaha dari kita, dari kawan2 kita, dari guru, dari ayah dan dari sa-genap lapisan masharakat bangsa. Semua-nya pasti, pasti sedar dan bergerak terus.

Para pelajar sekalian — padatkan-lah semangat pengorbanan dan pengetahuan2 tinggi di-tiap2 jiwa kita. Kerana semangat dan pengetahuan itu boleh-lah di-umpamakan sa-bagai lampu bagi kita untok berjalan di-malam yang gelap pekat mithal-nya. Sudah tentu kita tidak akan terselamat kalau berjalan tidak dengan penyuloh, kita akan terpijak duri, kita akan di-gigit lipan, mungkin juga kita akan di-gigit kala atau di-pagut ular. Boleh jadi juga kita akan tersungkor ka-bumi, kira-nya kita berjalan dengan membabi-buta, dengan tidak memakai penyuloh. Penyuloh ada-lah perlu dan pasti. Dan penyuloh yang di-maksudkan itu ia-lah ilmu pengetahuan.

Oleh sebab itu pelajar2 mesti-lah mendapatkan ilmu pengetahuan sa-berapa boleh-nya untok memikul tanggong-jawab negara dan bangsa di-masa akan datang. Untok mendapatkan ilmu pengetahuan itu, bukan-lah dengan angan2, tidak mahu berusaha dan bergiat, malah mesti-lah pandai menggunakan waktu dan tenaga fikiran-nya yang hening jerneh demi untok keutohan bangsa dan negara masa akan datang.

Pendek kata, sa-bagai manusia yang terpelajar sudah pasti ingin memileh hidup bahagia. Untok memileh hidup bahagia itu, hendak-lah kita membena peribadi kita sa-hebat2-nya sahingga sa-belum Tuhan menentukan takdir kita dengan harapan semoga peribadi kita itu akan mengarahkan tanya kapada kita ia-itu: "Apa-kah yang kita kehendaki sa-benar2-nya dalam hidup ini?" Di-samping itu hendak-lah juga kita ingat bahawa: "Manusia hidup hanya untok beberapa tahun saja bagi menchari bahagia atau chelaka, chuma terpileh kapada kita berusaha dan menchari mana satu yang di-kenang dengan saribu penghargaan mengikut pertimbangan dan kebijaksanaan sendiri."

(BERAKHIR)

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb. hingga 7hb. Januari, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | *2.1-.1978 | Isnin | 3.00- 4.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | *2.1-.1978 | Isnin | 4.30- 5.30 " |
| Berakas English School (Bhg. Menengah) | 3.1.1978 | Selasa | 9.15-10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 3.1.1978 | Selasa | 10.30-11.30 " |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 4.1.1978 | Rabu | 8.30- 9.30 " |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 4.1.1978 | Rabu | 9.45-10.45 " |
| Sekolah Melayu Masin | 4.1.1978 | Rabu | 11.00-12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 7.1.1978 | Sabtu | 1.30- 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 7.1.1978 | Sabtu | 2.45- 3.45 " |
| Sekolah Melayu Lamunin | 7.1.1978 | Sabtu | 4.00- 5.00 " |

* Chuti Awal Tahun Masehi (sa-bagai ganti hari Ahad 1hb Januari, 1978).

# Chontohi keberanian, ketabahan dan pengorbanan Rasulullah dalam meneroka suasana baru

SAMBUTAN yang di-adakan pada malam ini ada-lah untok memperingati per-
istewa Hijrah yang di-lakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda dari
tanah tumpah darah mereka Mekah ka-Madinah dalam usaha Baginda menye-
lamatkan Islam yang lemah ketika itu. Gerakan berhijrah itu ada-lah atas
perentah Allah Subhanahu Wata'ala yang telah di-patohi dan di-ta'ati oleh
Rasulullah dan sahabat2 Baginda. Dalam menunaikan titah perentah Allah itu
umat Islam yang pertama itu di-jadikan chontoh yang amat berguna kapada kita.
Kerana kepentingan ugama, mereka sanggup berkorban segala2-nya, sang-
gup meninggalkan kampong halaman, sanggup berpisah dengan kaum keluarga,
sanggup meninggalkan rumah dan harta benda semata2 kerana menjunjong titah
perentah Allah dan kerana menuntut keredhaan-Nya.

**UCHAPAN YANG BERHORMAT PEHIN DATU IMAM DATO PADUKA SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL HAMID BIN BAKAL, KADHI BESAR BRUNEI DI-MAJLIS SAMBUTAN AWAL MUHARRAM, 1398 HIJRAH BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA, PADA MALAM AHAD, 11HB DISEMBER, 1977.**



Sesunggoh-nya gerakan berhijrah itu ada-lah satu pengorbanan yang amat besar pernah di-lakukan oleh golongan yang berpegang tegoh kapada ideoloji yang di-dokong oleh mereka ia-itu-lah ideoloji Islam. Tidak heran-lah golongan kechil yang sanggup berkorban harta nyawa sekali pun itu lama kelamaan berjaya menjadi satu umat Islam yang kuat yang akhir-nya bukan sahaja mengembangkan pengaroh-nya ka-seluroh semenanjong tanah Arab, bahkan juga telah pernah menjadi kuasa besar dunia yang berabad2 memerintah sa-bahagian besar negara2 Eropah, Afrika dan Asia.

Begitu-lah peristewa hijrah itu mendapat kedudokan yang istimewa di-dalam sejarah Islam dan tamaddun manusia. Kerana itu-lah Khalifah Islam yang kedua ia-itu Amirul Mu'minin Saiyidina Omar bin Al-Khattab r.a. telah bersetuju menetapkan permulaan tarikh Islam dengan Hijrah Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. dari Mekah ka-Madinah.

Keberanian, ketabahan dan pengorbanan Rasulullah s.a.w. beserta sahabat2 Baginda dari Mekah meneroka suasana dan alam baru berhijrah ka-Madinah itu patut-lah umat Islam di-negeri ini jadikan chontoh dalam usaha2 kita meneroka dan mengadakan perubahan2 yang berkesan dalam apa jua bidang yang kita chita2kan, khas-nya dalam bidang pembangunan negara kita, samada dalam bidang rohani mau pun dalam bidang kebendaan.

Jika kita benar2 berkehendakan supaya menchapai kemajuan dalam semua lapangan tidak dapat tidak kita semua hendak-lah melibatkan diri dalam arus yang ranchak dengan kegiatan2 pembangunan itu. Orang2 yang penakut mudah patah hati dan mudah putus asa serta tidak bersedia berkorban dalam menjayakan chita2 akan tetap ketinggalan di-belakang.

Hijrah Rasulullah s.a.w. itu mengajar kita supaya menjadi satu umat yang tegoh iman dan tahan lasak di-dalam menempoh penderitaan hidup demi untok mendokong ajaran2 dan meninggalkan Islam. Ugama Islam di-jadikan perkara utama yang mengatasi lain2 kepentingan, baik kepentingan umom apa-tah lagi kepentingan peribadi. Itu-lah keadaan satu umat yang bakal berjaya di-dunia dan di-akhirat.

Pada hari ini patut juga kita menoleh ka-dalam masharakat Islam kita sendiri bagi membuat sedikit analisa mengenai-nya. Di-dalam arus perubahan yang sedang berlaku sekarang di-negara kita, Alhamdulillah dengan rahmat dan kornia Allah Ta'ala dan dengan berkat kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, raayat dan pendudok Negeri Brunei semakin bertambah makmur dan berkemewahan serta semakin banyak menerima kemudahan2 hidup.

Dan kita juga patut bershukor kerana semakin ramai pendudok bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun semakin ramai pula yang hadhir bersembahyang Jumaat ka-masjid2 dan beberapa buah surau baik yang tua mau pun yang muda, dan pada sembahyang Hari Raya, kerana ia-itu bertambah hingga keluar masjid, demikian juga orang Islam yang naik Haji tetap ramai pada tiap2 tahun.

Saya perchaya ini ada-lah di-antara tanda2 yang dapat di-kesan tentang ketegohan umat Islam kita berpegang kapada Ugama Islam. Tetapi di-dalam kita bershukor di-atas keadaan yang amat menggalakkan itu tidak kurang pula bertambah-nya maksiat berlaku di-kalangan umat Islam dari sa-masa ka-semasa.

Kes2 khalwat dan bersetuboh haram di-kalangan orang2 Islam semakin bertambah dari sa-tahun ka-setahun. Begitu juga kes2 minum-minuman yang memabokkan dan makan minum di-siang hari di-bulan puasa, peratus-nya tetap tidak berkurang yang mana ini semua ada-lah tanda2 yang menunjokkan sa-bahagian dari umat Islam di-negeri ini tidak menghiraukan ugama-nya sendiri yang mengharamkan perbuatan2 tersebut dan tidak menghormati Undang2 Negara berhubong dengan kesalahan jenayah ugama itu.

Apa yang lebeh mendukachitakan kita di-dalam kes bersetuboh haram di-kalangan orang2 Islam itu, boleh di-katakan kebanyakan-nya (bukan semua) melahirkan anak di-luar nikah atau anak yang tidak berbapa yang sah di-segi hukum shara' sekali pun lelaki yang terlibat dalam sekandal seks itu mengahwini ibu kapada anak tersebut.

Perkara kelahiran anak2 di-luar nikah itu yang bilangan-nya juga semakin bertambah boleh menjadi satu masaalah di-masa2 akan datang khas-nya anak2 perempuan apabila masing2 akan di-akad nikah kelak. Kerana bapa-nya dalam daftar surat beranak itu tidak di-iktiraf oleh shara' sa-bagai bapa yang sah yang demikian ia tidak berhak dan tidak sah menjadi wali kapada anak perempuan tadi sedangkan wali-nya yang sebenar ia-lah wali hakim sahaja.

Sekira-nya juru2 nikah di-masa2 akan datang kurang chermat dan teliti dalam membuat penyiasatan2 ada kemungkinan bapa2 dalam daftar surat beranak itu akan mengaku sa-bagai bapa sebenar kapada anak di-luar nikah itu dan chuba meletakkan diri-nya sa-bagai wali, pada hal pada hakikat-nya dia tidak sah menjadi wali. Maka jika ini berlaku akan terjadi-lah pernikahan yang tidak sah di-segi hukum shara'.

Sekali pun belum di-buat analisa yang menyeluroh tentang puncha terjadi-nya gejala2 burok saperti yang saya sebutkan tadi, tetapi di-antara sebab2-nya dapat-lah di-simpulkan saperti berikut : —

1. Kelemahan iman dan pegangan terhadap ajaran2 ugama atau dengan erti kata yang lain pengabaian terhadap larangan2 Allah, sa-hingga kerana memuaskan hawa nafsu yang jahat tergamak berbuat derhaka kapada Allah.

2. Ada-nya pergaulan yang bebas yang tidak terkawal di-antara lelaki dan perempuan yang semakin menjadi2 sekarang ini. Lelaki dan perempuan yang bukan muhrim pada masa sekarang sudah ada yang tidak segan2 lagi berdua2an bukan kerana satu2 sebab yang di-bolehkan ugama baik di-waktu siang mau pun di-waktu malam, baik di-tempat2 sunyi atau di-tempat2 terang, sa-akan2 perkara itu bukan menjadi kesalahan di-segi ugama dan di-segi undang2.

3. Kelemahan kawalan ibu-bapa khas-nya terhadap anak2 gadis mereka, ada-lah menjadi satu perkara yang agak berat bagi orang2 lain apa lagi yang tidak kena mengena akan menegor dan menasehati sa-seorang gadis yang berpoya2 mithal-nya dengan sa-orang lelaki yang bukan muhrim-nya sekira-nya ia mengetahui gadis itu mempunyai ibu-bapa sendiri kerana orang lain itu menganggap tanggong-jawab menegor dan menasehat itu ada-lah tanggong-jawab ibu-bapa-nya. Dari kes2 yang di-hadapkan di-Mahkamah Kadhi ada-lah di-dapati sa-tengah2 ibu-bapa sa-olah2 tidak mengambil hirau terhadap pergaulan anak2 gadis-nya dengan laki2 bukan muhrim-nya sekali pun ibu-bapa itu mengetahui anak gadis-nya itu berjalan dengan laki2 bukan muhrim-nya.

4. Tersibar-nya pengaroh2 luar yang memberangsangkan dan menimbulkan shahwat jentina saperti sa-tengah2 gambar yang memberahikan baik di-panggong2 wayang, atau di-peti2 Talivishen atau di-ruangan2 majalah dan akhbar2. Perkara2 yang memberangsangkan itu sa-olah2 mengajak kita menekmati kelazatan hubongan seks dengan tidak segan2 dan malu2 lagi.

5. Ada-nya feshen2 pakaian yang mendedahkan aurat dan yang terlalu ketat2. yang menimbulkan ghairah dan berahi terhadap orang yang memakai-nya yang menyebabkan sa-tengah2 orang tidak tahan lagi untok menekmati di-sebalik aurat yang terdedah atau tersembunyi di-sebalik anggota2 yang memberahikan itu, dan lain2 puncha lagi yang tidak dapat saya bentangkan dalam uchapan ini.

Untok menghindarkan atau sa-kurang2-nya untok mengurangkan kejadian2 yang tidak di-ingini itu berlaku dalam masharakat-kita, maka semua perengkat masharakat Islam di-negeri ini perlu memainkan peranan untok membenteras kejadian2 tersebut. Kerjasama orang ramai dengan kerajaan dan kerjasama orang ramai sesama orang ramai amat-lah perlu dalam usaha pembenterasan ini. Di-samping usaha2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dengan membawa mereka2 yang terlibat untok di-bicharakan dalam Mahkamah, maseh banyak usaha2 lain perlu di-buat oleh masharakat Islam, di-antara-nya : —

1. Ketua2 tiap2 keluarga khas-nya ibu-bapa mesti-lah memberikan didekan bagi meresapkan iman yang tegoh terhadap Allah kapada diri mereka dan anggota2 keluarga-nya.

2. Ketua2 keluarga mesti-lah memberikan kawalan yang berkesan terhadap anak2-nya, lebeh2 lagi terhadap anak2 perempuan-nya.

3. Disiplin sekolah perlu di-perketatkan lagi dan pendidekan akhlak perlu di-suborkan di-perengkat sekolah di-samping perengkat rumah tangga.

4. Masharakat umom Islam perlu menyedari sa-tiap gejala burok yang boleh menimbulkan suasana2 yang boleh membawa berlaku-nya perkara2 munkar dan burok dalam masharakat dan sa-tiap orang Islam perlu memainkan peranan untok menegah perkara2 munkar dan menyuroh berbuat kebaikan khas-nya di-perengkat para pemimpin dan orang2 yang berpengaroh di-kalangan masharakat. Dan lain2 tindakan yang boleh mendatangkan kesan yang baik.

Di-akhir uchapan saya, dan dengan sempena menyambut Peristewa Hijrah Rasulullah s.a.w. ini saya suka-lah berseru kapada umat Islam di-negeri ini supaya di-tahun baru Hijrah ini kita sama2 menginsafi akan keburokan2 yang berlaku dalam masharakat kita supaya di-samping ada-nya keadaan yang bertambah baik dalam masharakat kita itu, kita tidak akan mendapati beberapa kejadian2 yang burok yang boleh menyebabkan kerosakan kapada masharakat kita di-masa2 akan datang. Peranan tuan2 dan puan2 yang di-mainkan untok merubah keadaan masharakat dari yang burok kapada yang baik dan dari yang sudah baik kapada yang lebeh baik lagi ada-lah satu sumbangan besar kapada negara dan ugama kita. Mudah2an dengan ada-nya keinsafan dan usaha2 ka-arah kebaikan itu masharakat kita dan negara kita akan tetap di-dalam keadaan aman tenteram, tegoh bersatu, makmur sejahtera, dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.



**Antara beberapa achara yang telah di-persembahan di-malam sambutan Awal Muharram, tahun baru Islam 1398 Hijrah bagi Daerah Brunei dan Muara pada malam Ahad, 11hb Disember yang baru lalu, persembahan nashid dari kumpolan wanita Kampong Tamoi telah juga turut menyerikan sambutan tersebut saperti yang kelihatan dalam gambar atas. (Gambar JHEU).**

SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sains dan perusahaan (su); 8.30 — Seloka remaja; 9.00 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Untok kaum tani (su); 11.00 — Lagu untok mu (su); 11.30 — Autograph radio (su). **T/HARI:** 12.00—Permintaan hari Rabu; 12.26—Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Hiboran lagu pop; 1.30—Dunia pelajar (su). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Bisekan sukma; 5.30 — Tanda dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.21 — Azan untok fardhu magrib di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an; 6.30 — Tafsir Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00—Permintaan perajurit; 7.36—Azan untok fardhu Isha; 7.39—Mutiara hikmat; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia zaman ini; 9.00 — Hiboran pilehan; 9.30 — Foram di-radio/dari rakaman kami (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Mutiara hikmat (su); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cheramah minggu ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Taman mekar (su); 11.00—Bisekan sukma (su); 11.30—Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00—Komintar minggu ini (su); 12.26—Azan untok fardhu Dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat; 5.02 — Lagu untok mu; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.21 — Azan untok fardhu Magrib di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.20 — Rampaian di-senia; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00—Hidayat; 7.36 — Azan untok fardhu Isa; 7.39 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dendang sa-irama; 9.00 — Sandiwara radio (su); 9.30 — Hiboran malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI:** 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13—Dendang suria; 8.00 — Meninjau ka-kampong2; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Permintaan dari pancharagam; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Foram di-radio; 11.30 — Hidayat (su). **T/HARI:** 12.00 — Irama gambus; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat Siaran Langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Lagu2 selingan. **PETANG:** 2.00 — Hiboran pilehan; 2.30 — Belia zaman ini (su); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Dalam simpanan kami; 3.45 — Azan untok fardhu Asar; 3.48 — Taukah awda; 4.15 — Hiboran rampaian; 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Permintaan jiran tetangga; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 Bakat minggu ini; 6.00 — Irama lagu asli; 6.21 — Azan untok fardhu magrib di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.25 — Irama padang pasir; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan salokan-nya 7.36 — Azan untok fardhu Isha; 7.39 — Senandong ria; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Persembahan pancharagam; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Rampaian malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI:** 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Apa pendapat awda; 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Dendang sa-irama (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Taukah awda (su); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Tetamu minggu ini (su). **T/HARI:** 12.00 — Peristewa dunia minggu ini; 12.26—Azan untok fardhu Dzohor; 12.30—Hiboran rampaian tengah hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat; 5.02 — Bakat minggu ini (su); 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandong lagu2 lama; 6.21—Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini, **MALAM:** 7.00—Chitra irama; 7.36—Azan untok fardhu Isha; 7.39—Bertutoran (su); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun sambil bersenda (su); 9.00 — Dongeng Purba (su); 9.30—Lagu2 asli Brunei; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.20 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, pimpinan illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Dendang suria; 8.00 — Majallah radio; 8.30 — Mari berpantun sambil bersenda; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Permintaan antarabangsa; 11.00 — Dunia wanita; 11.30 — Hello siapa di-sana. **T/HARI:** 12.00—Sandiwara radio; 12.26 — Azan untok fardhu Dzohor; 12.30—Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Surat dari London. **PETANG:** 2.00 — Review berita minggu ini; 2.30 — Pesta pop; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Dongeng purba, 3.45 — Azan untok fardhu Asar; 3.48 — Lagu untok mu; 4.15—Keluarga jaya; 4.45—Cherpen dan salokan; 5.15—Aneka rama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Rampaian di-senja; 6.21—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.20 — Persembahan aneka instrumental; 6.50—Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara perajurit; 7.36 — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban, 8.30 — Hiboran malam; 9.00 — Brunei Darussalam; 9.30 — Meninjau ka-kampong (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 800 — Peristewa dunia minggu ini (su); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sains dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Suara perajurit (su); 11.15 — Brunei Darussalam; 11.45 — Chitra Irama (su). **T/HARI:** 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; 12.28—Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (su); 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat; 5.03 — Apa Pilehan Awda; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.24—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.27 — Irama padang pasir; 6.30 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan; 7.39 — Azan untok fardhu Isha; 7.42 — Keluarga si-awang (su); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Komintar minggu ini; 8.45 — Serbanika persembahan; 9.15 — Bertutoran; 9.30 — Lagu2 permintaan malam Isnin; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (su); 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30 Rampaian London; 9.45 — Hiboran pilehan; 10.00 — Tanda Waktu2 dan Warta Berita; 10.15 — Serbanika persembahan; 10.45 —Cheramah minggu ini; 11.15 — Pusparagam; 11.30 — Majallah radio. **T/HARI:** 12.00—Hiboran rampaian tengah hari; 12.28 — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Persembahan pancharagam; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.00 — Arena sokan; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran rampaian; 6.24 — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.40 — Persembahan instrumental; 6.50—Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Review berita minggu ini (su); Azan untok fardhu Isha; 7.30 — Untok kaum tani; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Dunia pelajar; 9.00 — Permintaan Pulis Diraja; 9.30 — Sajak dan irama (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30— Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamtakan.

# Dua ranchangan khas minggu ini

MINGGU ini Bahagian Melayu Radio Brunei akan menyiarkan dua ranchangan khas. Pada hari Sabtu, 31hb Disember para pendengar akan dapat mengikuti satu ranchangan yang di-berinama TINJAUAN SAINS DAN TEKNOLOGI 1977. Ranchangan ini akan ka-udara pada jam 1.00 petang.

Untok mengingat kembali akan peristewa2 yang berlaku sepanjang tahun 1977 ini, Radio Brunei akan membuat liputan peristewa itu dalam satu ranchangan yang di-berinama Memperingati Peristewa tahun 1977. Ranchangan ini akan dapat Awda ikuti pada hari Ahad 1hb Januari, 1978 jam 8.30 pagi.

**SANDIWARA MINGGU INI**

Tajok sandiwara yang akan di-siarkan oleh Radio Brunei minggu ini ia-lah "Jagoh" hasil karya M. Roslam Shariff, Brunei.

Saperti biasa ranchangan ini akan ka-udara pada hari Ahad jam 12.00 tengah hari.

# "APA PILEHAN AWDA"



**DAYANG Rafiah binte Zainin, No. 3 Kampong Sungai Kedayan 'A', Bandar Seri Begawan mendapat peluang untok memileh lagu2 dalam ranchangan 'Apa Pilehan Awda' kali ini.**

**Dayang Rafiah akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya yang akan dapat di-ikuti melalui Radio Brunei pada hari Isnin 2hb Januari, 1978 jam 5.03 petang.**

# Hello '78

TALIVISHEN Brunei akan mengadakan satu ranchangan khas bagi menyambut tahun baru 1978. Ranchangan tersebut di-berinama "Hello '78" akan di-siarkan sa-chara langsong dari Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada malam 31hb Disember, 1977.

Ranchangan itu akan di-isikan dengan persembahan2 nyanyian dari penyanyi2 tempatan dan tarian yang akan di-persembahkan oleh Badan Seni Drama dan Musik Brunei.

Satu achara yang menarek yang akan di-adakan dalam ranchangan itu nanti ia-lah kuiz talipon. Achara ini hanya terbuka kapada peserta2 yang telah di-pileh.

Sa-masa ranchangan itu ka-udara, juruachara pada malam itu akan menalipon mereka yang di-pileh itu dan mengemukakan satu soalan kapada mereka. Jika mereka itu dapat menjawab soalan itu dengan betul, mereka akan mendapat hadiah istimewa.

Jangan lupa ranchangan "Hello '78" pada hari Sabtu 31hb Disember ini.

# Tinjauan khas

PADA malam ini, Talivishen Brunei akan menyiarkan satu tinjauan mengenai satu Unit Khas Pulis Diraja Brunei.

Unit tersebut di-tubohkan bertujuan bagi menentang sa-barang perbuatan ganas dan baru saja pulang sa-telah menjalani latehan intensif sa-lama dua bulan di-seberang laut.

Ranchangan yang akan memperlihatkan beberapa latehan khas dan penggunaan alat2 senjata api serta kelengkapan yang di-gunakan oleh unit itu akan dapat Awda saksikan pada jam 8.15 malam.

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 28HB. DISEMBER,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS "Rocky Mountain Dighorn"
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 THE FLINTSTONES — "Energy A National Issue"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE DUCHESS OF DUKE STREET "One Night's Grace" Satu petang sa-orang perempuan datang ka-Bentink dan bertanya tentang Charles Tyrell. Louisa sangat2 ingin tahu sa-telah Charles membeli rambut palsu untok-nya.
8.00 THE TOP SECRET LIFE OF EDGAR BRIGGS "The KGB"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 TINJAUAN
9.05 PERLAWANAN GUSTI
10.20 SHOW OF THE WEEK: "Swan Lake" Ballet: Turut mengambil bahagian ia-lah E. Evteeva, D. Morkovsky dan M. Esembaev dan artis2 dari Leningrad Akademi Opera dan Ballet.
11.45 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 29HB. DISEMBER,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE BATFINK SHOW
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 THE MUPPET SHOW

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE HIGH CHAPARRAL — "Arrangement"
8.00 PLAY SOCCER Jack Charlton's Way.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU bertajok, "Keris Mas"
11.15 SIARAN TAMAT,

## JUMAAT — 30HB. DISEMBER,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 MURAI — Kali ini adek2 akan dapat mengikuti saperti ruangan Saya Mahu, Kuiz, Cherita dan Perbualan dan juga tarian dari Scotland yang di-persembakan oleh adek2 dari Sekolah Antarabangsa, Jalan Kumbang Pasang. (International School).
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 MURAI — sambongan
6.32 SKIPPY THE BUSH KANGAROO "Treasure Hunt"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE BLACK AND WHITE MINSTREL SHOW
8.00 THE DICK EMERY SHOW Episode pertama. Cherita komidi mengesahkan tentang Dick Emery dan kawan2-nya Lampwick, Mandy dan Clarence.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 YEAR END REVIEW (Local)
9.15 DISAPPEARING WORLD — "The Kirghiz of Afghanistan"
9.55 MYSTERY MOVIE: McCloud "Our Man in the Harem"
11.55 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 31HB. DISEMBER,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 SESAME STREET — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 STARSKY AND HUTCH "The Bounty Hunter"
8.00 MUSIC FROM STUDIO B
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 YEAR END REVIEW — Foreign
9.15 TAYANGAN MALAM SABTU: "Oklahoma". Di-bintangi oleh Gordon Macrae, Shirley Jones dan Rod Steiger.
11.15 HELLO 78 Ranchangan yang istimewa dari Studio RTB ia-itu selain dari nyanyian2, tarian2, dan musik2, penonton2 juga akan dapat mendengar dari penuntut2 Brunei yang menuntut di-seberang laut untok menguchapkan Selamat Tahun Baru kapada raayat Brunei dan ibu bapa masing2. Penonton2 juga berpeluang menyaksikan talipon kuiz dari rumah dan lain2 lagi achara yang menarek.
12.45 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 1HB. JANUARI,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.27 AZAN MAGHRIB
6.31 THE ROVERS "Crisis" Mengesahkan kedatangan sa-orang budak lelaki ka-kapal Pacific Lady membuat kekachauan ka-atas Mike.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 BIONIC WOMAN "Motorcycle Boogie"
8.00 WILDLIFE IN CRISIS. "The Vicious Circle"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUTIKA
9.15 BEST SELLERS "The Rhinemann Exchange" Bahagian pertama. Siri pertama (baru) mengesahkan mata2 gelap Amerika yang di-hantar ka-Argentina untok menghubongi mata2 gelap dari Jerman. Di-bintangi oleh Stephen Collins dan Lauren Hutton.
11.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 2HB. JANUARI,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 RETURN TO THE PLANET OF THE APES — Episode 1. "Flames of Doom".
6.27 AZAN MAGHRIB
6.31 BIG BLUE MARBLE Episode pertama. Siri baru untok kanak2 menunjokkan bagaimana keadaan tiga buah negeri (Kanak2 di-situ bekerja, bermain dan menjadi besar).

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHARLIE'S ANGELS — "Dirty Business"
8.00 BEWITCHED "Nobody But A Frog Knows How to Live"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 BOLA SEPAK
9.15 SERIKANDI
9.55 SWITCH — "The Things That Belong to Mickey Costello". Siri terakhir dan kita akan dapat menyaksikan lagi siri Hawaii Five O minggu hadapan.
10.45 POLDARK — Episode kedelapan.
11.35 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 3HB. JANUARI,

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET.
6.27 AZAN MAGHRIB
6.31 SESAME STREET — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 IT'S A KNOCKOUT
8.00 HOLMES AND YOYO
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER.
9.05 KOJAK "Monkey on a String" Kojak menjadi sangsi terhadap sa-orang pulis muda, apabila isteri-nya tiba2 memakai baju tebal berbulu sabagai rasuah.
9.55 LUKE'S KINGDOM "The Damn and the Damned". Kerana hujan tidak turun sa-lama empat bulan segala binatang ternakan dan tanaman mati dan musnah. Luke mengambil keputusan untok membena longkang besar, bagi menyimpan ayer.
10.45 SIARAN TAMAT.




The High Chaparral — satu siri baru bagi menggantikan siri Rockford Files yang akan di-tayangkan pada hari Khamis jam 7.10 malam

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

**WEDNESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Sounds of '77; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

**THURSDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30—The Tintner Lectures; 9.00 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

**FRIDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sports Magazine; 11.15 — Tajul Ahmad Calling On You PM: 12.15 — International Money Programme; 12.30 — News; 12.45 — Our Brunei (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Room 504; 8.30 —Light Music From The Netherlands; 8.45 — Nobody knows where the turtles goes; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Frank Muir Goes Into "Pride"; 10.30 — A Date with The Johnny Cash Family—side 1; 10.30 — Close Down.

**SATURDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Room 504 (repeat); 11.30 — The Ken Dodd Show. NOON: 12.00 — The Year's review of Science & Technology; 12.30 — News; 12.45 — Man in a Changing World; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Saturday Mailbag—New Year Special presented by Charan Chand; 9.15 — News; 9.30 — Flashback—1977, The Year that was—compiled and presented by Evelyn Samuel;10.00—Top of The Pops — 681; 10.30 — Profile On Fleetwood Mac; 11.30 — Ringing in The New Year — Nafisah Haji Ali; 12.30 — Close Down.

**SUNDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — New Year's Day Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel; 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's X'mas Party (Repeat); 12.00 — Flashback (Repeat); 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Early Hancock; 8.30 — Be My Guest — Introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Concert Hour presented by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

**MONDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announctment — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Early Hancock (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Ken Dodd Show; 9.15 — News; 9.30 — Sixty-Minute Theatre: "Old Mali and The Boy" by D.R. Sheman; 10.30 — Close Down.

**TUESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement— Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 8.00—Opening Announcement—Stereo Pop Special Featuring the 1st part of concert performed by Renaissance side 1; 8.30 — It's All Yours produced by Veronica Shim; 9.15— News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down

# PEMIMPIN BELIA DI-HANTAR KELUAR NEGERI KURANG BEKERJASAMA!



Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain (gambar atas) kelihatan sedang menyampaikan cheramah-nya dalam majlis dailog di-Perkelahan Belia di-Pantai Tungku, Gadong, yang baru lalu. Manakala kedua2 gambar bawah memperlihatkan suasana dalam perkelahan tersebut — panggang kambing dan siar satu2-nya hidangan yang membuka selera peserta pada hari itu. Kelihatan dua orang peserta ini sedang menggali lobang untok tempat membuang sampah sarap.

PANTAI TUNGKU, Gadong. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain telah menyatakan di-Majlis Dailog Perkelahan Belia baru2 ini bahawa untok menilai samula kegiatan2 belia di-negeri ini, kerjasama antara kesatuan belia dan ahli2-nya harus-lah di-pereratkan. Kerana terdapat beberapa belia yang telah di-hantar keluar negeri dalam menjalani latehan2 menjadi pemimpin belia umpama-nya, kurang memberikan kerjasama sa-sudah kembali ka-tanah ayer.

Menyentoh pada memberikan galakan untok belia2 menyertai dalam apa jua pembangunan negara, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menekankan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan tidak jemu2 memberikan Kerjasama dan dorongan dalam menarek minat belia2 kita.

Yang Berhormat Pehin Hussain juga menyatakan bahawa negara2 di-Asia saperti negeri Thai dan Eropah saperti United Kingdom mengalu2kan ura2 untok mengadakan pertukaran belia. Kerana dengan ini belia2 kita akan dapat menilai bagaimana belia2 di-negara2 tersebut membuat kegiatan2 mereka dari masa ka-semasa.

Pada tahun ini, tambahnya, tiga orang belia telah di-hantar ka-United Kingdom untok menghadhiri program pertukaran belia ia-itu sa-orang daripadanya dari Penuntut, dari Majlis Belia2 Negeri Brunei dan dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, dan mereka itu telah menghadapkan laporan dan pengalaman2 mereka, kerana nampak-nya daripada pertukaran belia (youth exchange) dapat-lah di-nilai pergerakan belia di-antara sa-buah negeri dengan yang lain.

DARI: PEMERHATI

Terdahulu dari itu Yang Berhormat itu juga menegaskan bahawa kita di-Brunei ini tentu sudah banyak menerima kemewahan2 dan kemajuan yang telah kita chapai; berbanding dengan raayat di-negeri2 lain.

Walau bagaimana pun kemajuan yang telah di-chapai itu, tidak-lah dapat sa-takat itu sahaja hendak-nya-lah belia dan beliawanis berusaha, bekerjasama di-samping mengorbankan masa untok kemajuan dan perkembangan belia dalam negeri kita ini.

Menyentoh tentang kelemahan2 yang terdapat atau yang sedang di-hadapi oleh pergerakan belia kita di-negeri ini, Yang Berhormat itu menyatakan hal tersebut boleh jadi terdapat kurang kerjasama di-antara kesatuan2 belia itu dengan ahli2-nya atau kemungkinan beberapa belia yang telah di-hantar ka-luar negeri untok menjalani latehan2 menjadi pemimpin umpama-nya kurang memberikan kerjasama ketika mereka itu sudah balek ka-tanah ayer.

Yang Berhormat itu juga telah menjawab beberapa masaalah yang telah di-timbulkan oleh pemimpin belia dalam majlis dailog di-Perkelahan Belia pada pagi itu.





## Penubohan ranting WI Kg. Ayer

KAMPONG SABA.—Penubohan ranting Perkumpolan Perempuan Brunei (WI), Kampong Ayer Saba bagi Daerah Brunei akan di-rasmikan oleh Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif pada 2hb Januari 1978 akan datang, bertempat di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Di-samping itu WI juga akan mengalu2kan kejayaan Awang Haji Mashud, Johan Qari Antarabangsa yang akan memperdengarkan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an, dalam majlis tersebut.

Di-Tutong minggu lalu, bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Muda Hashim, WI telah mengadakan sambutan Awal Muharram, memperingati penubohan WI Daerah Tutong bagi tahun kedua dan majlis keshukoran atas kejayaan Qari Brunei, Awang Haji Mashud dalam pertandingan Al-Kor'an Antarabangsa.

**KAN-HAL KITANI ...**

- * Bahapa kitani bulan dapan, 'Ngah ?
- † Balawan gasing !
- * Eh ! Gasing mana ada balawan !
- † Orang balawan main gasing, jangan luyar burok ani, 'Wang !
- * Malar lawan gasing, balum lagi ada . . .
- † Ada apa ?
- * Persatuan Gasing ! !
- † Tunggu, inda lagi lama ada tu !
- * Tunggu kuching batanduk ? ? ?

BELIA DAN SOKAN

## Perjumpaan dgn. pemain2 badmintan

PUSAT BELIA, Bandar Seri Begawan. — Satu perjumpaan dengan peminat permainan badmintan, anjoran Persatuan Kebangsaan Badmintan Negeri Brunei, telah di-langsongkan di-sini minggu yang baru lalu.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, telah hadhir dalam perjumpaan tersebut dan memberikan penerangan serta menjawab beberapa masaalah yang di-hadapi oleh pemain2 badmintan.

Menurut Yang Berhormat itu, Kerajaan sentiasa memberi galakan, dorongan dan bantuan untok mengembangkan permainan badmintan dan lain2 jenis sokan di-negeri ini.

## Lumba renang pasokan pulis



GAMBAR atas, ketibaan Pegawai Pemerentah Pulis Daerah Belait, Dato Mustapha bin Ahmad, sedang di-sambut oleh pegawai2 sokan bagi merasmikan peraduan lumba berenang tahunan bagi Pasokan Pulis Diraja Brunei, yang baru lalu.

Kira2 60 orang peserta dari lima buah pasokan yang mewakili daerah dan bahagian2 telah mengambil bahagian dalam perlumbaan berenang itu, termasok achara lumba renang bagi wanita (saperti gambar sebelah kanan).



